

16/03/2004

Pak Lah bersama rakyat melalui radio

SEMALAM, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghabiskan kira-kira dua jam bermula jam 7.45 pagi, ditemubual secara berasingan oleh stesen radio berbahasa Melayu, Radio ERA, radio berbahasa Inggeris, MixFM, dan stesen radio berbahasa Cina, MY FM. Perdana Menteri menjawab soalan juruhebah serta orang ramai yang membuat panggilan ke stesen berkenaan dengan topik perbincangan meliputi pilihan raya, manifesto Barisan Nasional (BN), pembangunan, masalah rakyat dan soal peribadi seperti makanan kegemaran serta bagaimana beliau menghadapi tekanan. Berikut disiarkan sedutan hasil temubual itu.

SOALAN: Boleh sekali lagi Datuk Seri gambarkan empat bulan pertama sebagai Perdana Menteri Malaysia?

ABDULLAH: Memberangsangkan. Alhamdulillah saya bersyukur kerana dalam masa itu, saya telah diterima oleh rakyat Malaysia, oleh parti saya, jadi tidak ada keraguan. Ertinya, setelah Tun Dr Mahathir Mohamad menyerahkan jawatan kepada saya, dengan sambutan itu saya rasa amat baik sekali dan saya telah membuat beberapa kenyataan, melahirkan perasaan saya, apa yang saya hendak lakukan. Pertama sekali yang saya kata kepada rakyat ialah memahami tanggungjawab saya yang begitu besar dan apa yang saya hendak itu adalah untuk negara dan rakyat. Maka, saya kata bekerja dengan saya, bukan untuk saya tapi kita bekerjasama untuk rakyat dan negara. Maka, itulah satu kenyataan yang cukup diterima baik oleh rakyat.

SOALAN: Datuk Seri, kita bercakap sedikit mengenai manifesto BN bertemakan 'Cemerlang, Gemilang, Terbilang'. Mungkin Datuk Seri boleh huraikan sedikit mengenai manifesto BN ini.

ABDULLAH: Manifesto BN ini menekankan kepada masa depan. Bila kita kata 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang', ini bermakna pencapaian masa depan. Negara Malaysia ini cemerlang, gemilang dan terbilang. Berlainan sedikit dengan tema 'Bersih, Cekap dan Amanah' tetapi ini ke depan. Kita 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang' maknanya kita kena cekap, kena amanah, kena kompetitif. Ini membayangkan kena ada perubahan dari segi minda, sikap untuk mencapai kecemerlangan. Apabila kita sudah sama-sama cemerlang, bila kita kena bersaing, supaya kita mahu jadi yang gemilang dan kita tidak boleh lari daripada persaingan, kita kena bersaing dalam liga yang lebih besar. Pada peringkat liga lebih besar ini, bila kita menang di kalangan yang gemilang, kita mesti jadi yang terbilang. Macam sukan, peringkat kebangsaan, serantau, Olimpik di kalangan gemilang yang dapat pingat emas, ada yang terbilang. Kita mahukan masyarakat yang kompetitif.

SOALAN: Apakah cabaran untuk pilihan raya 2004 ini, bagi Datuk Seri, bagi BN?

ABDULLAH: Ya, saya mahu supaya seramai mungkin yang akan keluar mengundi. Ada juga saya rasa bimbang nanti orang ingat, bila katanya BN akan menang, senang menang dengan majoriti begitu besar, ada orang kata pula "tak payahlah... dia dah menang dah, jadi kita terpaksa bekerja kuat". Bukan saja sangat hendak menghadapi isu yang ditimbulkan oleh pembangkang, tetapi hendak memastikan yang rakyat bersedia untuk mengundi kerana undi itu adalah penting, yang lain-lain itu kita hadapilah, adatlah bila pilihan raya itu, kita tidak ada masalah.

SOALAN: Saya pernah terdengar orang kata kalau kita beritahu seseorang itu, anda tidak boleh mengundi, dia mesti marah dan dia akan terus pergi mengundi. Itulah dia, bila kita dapat peluang sebegini, kadang-kadang kita

tidak sedar yang ia adalah kuasa di tangan kita untuk memilih.

ABDULLAH: Betul tu, saya setuju benar. Betul tu.

SOALAN: Sedikit mengenai rungutan sesetengah orang daripada masyarakat kita yang kadang kalanya kata mereka, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang terpilih mewakili satu-satu kawasan itu tidak menjalankan tugas sepenuhnya sebagaimana yang diamanahkan. Jadi bagaimana Datuk Seri ingin mengatasi masalah ini?

ABDULLAH: Saya bercadang hendak mewujudkan etika. Satu etika, satu indeks prestasi, satu indeks bagi menunjukkan prestasi Adun-Adun. Bukan saja Adun kerana Adun mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) tetapi juga wakil rakyat untuk Parlimen supaya mereka mematuhi kepada etika dan juga kepada prestasi yang mereka perlu capai sementara menjadi wakil rakyat DUN atau Parlimen. Ini adalah penting, perkara yang ada hubung kait dengan hubungan mereka dengan pengundi, rakyat, yang berkaitan kerja mereka, berkaitan dengan pembangunan yang mereka boleh bawa ke kawasan mereka dan lepas itu apakah rancangan mereka sendiri. Mereka mesti pusat (perhatian kepada) orang ramai, yang mengutamakan rakyat. Mereka (rakyat) sudah memberi sokongan kepada kita, bila mereka beri sokongan kepada kita, ini bermakna ada satu harapan di sebalik sokongan itu. Jadi kalau kita ghaib tidak nampak-nampak pun, jadi tentulah mereka hampa. Itu tidak betul. Wakil rakyat dilihat, mesti didengar, mesti dilihat bekerja, dilihat menemui pengundinya, rakyat dari semasa ke semasa. Saya tidak mengharapkan mereka berada di situ tiap-tiap hari, mungkin mereka ada kerja lain dan di tempat lain, ada juga pegang jawatan. Tetapi mereka mesti kerap turun ke bawah, mendengar masalah. Mesti bersedia mendengar masalah, mesti bersedia bertindak segera, mesti jalinkan hubungan yang baik antara pentadbiran kerajaan, pejabat-pejabat kerajaan dan bagaimana mereka hendak melaksanakan kerja mereka dengan menggunakan bantuan kerjasama. Pendek kata, mereka mesti bekerja untuk rakyat. Wakil rakyat patut bekerja untuk rakyat, bekerja bersama rakyat, bawa rakyat bersama dengan mereka. Ini falsafah yang saya harap dan dapat diterima semua, bekerja bersama rakyat untuk negara.

SOALAN: Melakukan apa yang perlu mereka lakukan dan kelihatan apa yang perlu mereka lakukan.

ABDULLAH: Ya, mereka mesti mudah dilihat, mesti kelihatan, dilihat menjalankan kerja.

SOALAN: Bercakap mengenai etika tadi yang Datuk Seri sebutkan, boleh Datuk Seri jelaskan sedikit etika kerja.

ABDULLAH: Etika ini ada hubung kait dengan satu: peribadi dia sebagai pemegang jawatan, berkhidmat untuk rakyat, mesti jaga peribadi. Itu adalah amat penting, jauhkan diri daripada rasuah, itu amat penting sekali. Dia (wakil rakyat) perlu menunjukkan peribadi yang berwibawa, kerana hendak memimpin, wakil rakyat juga memimpin rakyat di samping bekerja bersama rakyat. Itu yang amat penting sekali dan mereka mesti jadi wakil rakyat yang berdaya maju dalam erti kata mesti membawa program kepada rakyat, mesti berjumpa rakyat sekerap mungkin dan juga mesti pastikan dalam kerja yang mereka laksanakan itu janji mereka ditunaikan. Jangan mudah buat janji tetapi tidak tunai, nanti orang marah. Bila nak janji, fikir-fikir dulu, boleh buat atau tidak boleh buat. Tabur janji, tidak ada susulan, tidak akan menjadi baik kepada mereka. Jujur dan kerja kuat. Saya akan senaraikan semua ini, untuk menjadi panduan kepada semua wakil rakyat, termasuk panduan untuk diri saya. Saya pun juga akan jadi wakil rakyat nanti, insya-Allah.

SOALAN: Pagi-pagi macam ini Datuk Seri, selalunya menu sarapan Datuk Seri apa agaknya?

ABDULLAH: Secawan kopi dan segelas jus buah-buahan.

SOALAN: Dikatakan Datuk Seri meminati kopi.

ABDULLAH: Ya, saya suka kopi.

SOALAN: Kopi yang macam mana itu?

ABDULLAH: Kopi tempatan. Saya menggalakkan orang minum kopi tempatan. Menghargai dan memberi nilai kepada produk tempatan. Yang sekarang ini sudah banyak 'improvement'.

SOALAN: Itulah dia, orang kita, bila benda itu ada di sini, kadang-kadang kita tidak sedar. Apa yang kita ada sebenarnya setaraf dengan negara luar. Saya tahu Datuk Seri cuba meningkatkan lagi industri batik.

ABDULLAH: Industri batik dan semua barang-barang tempatan. Setiap orang kita ada kepandaian.

SOALAN (daripada seorang pemanggil): Apakah perancangan kerajaan di sekitar kawasan penempatan peneroka sebab apa saya tengok peneroka banyak bersungut kerajaan kurang prihatin terhadap peneroka. Itu sebab mereka beralih kepada pembangkang.

ABDULLAH: Peneroka kawasan pembangunan ke?

SOALAN: Ya, sebab saya pun anak peneroka.

ABDULLAH: Di mana itu, di Pahang ke?

SOALAN: Ya, di Pahang, di Jengka.

ABDULLAH: Jengka kawasan asal pembangunan itu.

SOALAN: Yang kedua, Datuk Seri. Kalau wakil rakyat kita ini esok, selepas kita pilih, dia orang ini tidak buat kerja macam Datuk Seri cakap itu, bekerja untuk rakyat. Tetapi setelah kita buat laporan, satu tindakan pun mereka tidak ambil.

ABDULLAH: Ooo begitu ke? Pak Lah kata kita hendak buat etika itu dan kita kena ada etika, akan kita sediakan dan berikan kepada mereka (wakil rakyat) semua. Mereka kena patuh dan kita akan mengadakan sistem laporan, yang boleh diperoleh secara berkala, kerap. Sebulan sekali kita hendak tahu, apa yang telah mereka laksanakan, berapa kali mereka dah balik kawasan. Apakah program-program dan kita juga ada pemantau-pemantau, pejabat-pejabat yang kita akan dengar apa masalah. Apakah masalah yang ada itu terbiar dan tidak pernah diberikan perhatian, maka tentulah sekali kita dapatkan wakil rakyat dan tanya kenapa perkara itu diketepikan, kenapa tidak boleh, jangan dibiarkan begitu saja.

Tentang hal kehidupan peneroka, kita tahu peneroka termasuk dalam kawasan pembangunan dan di samping itu juga kita mahu juga mereka itu dalam kawasan pembangunan baru, seperti kawasan Felda tetapi ada juga yang menjadi rungutan mereka yang juga jadi keperluan mereka yang juga perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa tempatan dan pejabat daerah.

Dulu ada sedikit konflik itu, kerana sesetengah pihak menyatakan oleh sebab peneroka ini dalam kawasan yang Felda dan Felcra bertanggungjawab, yang Risda bertanggungjawab ke, maka pentadbiran daerah rasa itu bukan tanggungjawab mereka.

Ada sedikit kekeliruan daripada segi ini di tempat-tempat yang tertentu. Bagaimanapun, pentadbiran di peringkat daerah ini perlu dibaiki, itu yang pentingnya. Koordinasi antara pihak-pihak berkuasa, rancangan pembangunan peneroka begitu ramai sekali perlu diperbaiki.

SOALAN (seorang lagi pemanggil): Apakah perancangan kerajaan selepas pilihan raya akan datang ini?

ABDULLAH: Banyak tu... (ada) dalam manifesto itu. Berapa muka saya tulis dalam manifesto itu. Tapi satu benda yang saya hendak cakap, kali ini kita hendak memberi penekanan kepada tenaga muda. Sebab manifesto kita cakap pasal masa depan. Kita hendak mewujudkan lonjakan - anjakan besar ke hadapan. Maka tenaga muda amat penting, dan kalau baca dalam manifesto itu, memang banyak perkara yang ada hubung kait dengan bagaimana kita hendak menjana dan menggembleng tenaga muda. Kerana tenaga muda itu penting kepada kita. Orang muda pada saya adalah harta kepada negara, dan mesti dijaga elok-elok dan beri mereka peluang.

SOALAN: Patutlah calon kali ini semua yang muda-muda.

ABDULLAH: Itulah banyak ramai yang muda-muda. Tengok saja namanya.

SOALAN: Kita bercakap mengenai batik, batik satu anugerah Malaysia kepada dunia. Kita ingin meningkatkan industri batik ini. Mungkin Datuk Seri ingin menyatakan sesuatu tentang batik.

ABDULLAH: Saya melihat industri batik ini berpotensi untuk dibangun dan dikembangkan bukan hanya untuk pasaran Malaysia tetapi juga pasaran dunia. Tetapi di samping itu kita mesti ada penyelidikan dan pembangunan (R&D), daripada segi material yang hendak digunakan, kain yang hendak digunakan, warna, reka bentuk kontemporari yang sezaman. Bakat memang ada di kalangan orang kita. Masalahnya bagaimanakah bakat mereka itu dapat digunakan untuk melahirkan produk yang kontemporari dengan warna yang kontemporari. Di samping itu, mereka mesti tahu perniagaan sikit dan sekarang saya sedang berusaha menggabungkan antara kumpulan yang pandai yang buat batik dengan orang yang pandai berniaga. Jadi cadangan saya itu wujudkan program, memang sudah ada pun program, iaitu Tunas Mekar. Tunas Mekar, anak-anak muda yang sudah ada pengetahuan, pelajaran dalam bidang pengurusan dan perniagaan dan di samping itu ada lagi pengetahuan dalam bidang akaun, kita gabungkan. Satu - pengeluaran dan mengkomersialkannya. Kedua, perniagaan. Bila kita gabungkan ini dan kita wujudkan ini dan beri khidmat kepada R&D, maka kita percaya batik akan dapat berkembang dan menjadi satu industri yang beri kekayaan yang baru, kekayaan yang lebih bernilai dan beri pendapatan tambahan kepada mereka yang terbabit dalam industri ini.

SOALAN: Ini barang kali soalan terakhir untuk Datuk Seri. Mungkin ada sesuatu Datuk Seri hendak katakan.

ABDULLAH: Waktu ini adalah waktu pilihan raya, biarlah saya nasihatkan kepada sesiapa yang sudah daftar sebagai pengundi keluarlah mengundi. Jangan kata, oh satu undi saya apa boleh buat, tapi kalau semua orang kata begitu, tidak adalah undi. Kalau semua kata undi saya yang satu akan membawa kepada perubahan, jika ramai orang cakap begitu, maka akan jadi kekuatan. Itulah yang akan jadi mandat yang akan diberikan kepada parti yang dipilih nanti untuk menubuhkan kerajaan. Suara ini adalah satu undi. Satu undi adalah suara rakyat. Satu undi adalah hasrat rakyat dan kita hendak menentukan kerajaan dan tugas menentukan kerajaan melalui pilihan raya ini tidak boleh diabaikan. Jangan biar orang lain menentukan, kita sama-sama menentukan... jadi pergilah undi. Ambillah bahagian, ambillah bahagian, keluar dan undi, jangan lupa undi untuk masa depan.

SOALAN: Ini adalah kali pertama Datuk Seri menghadapi pilihan raya umum sebagai Perdana Menteri dan juga Pengerusi BN. Bagaimana perasaan Datuk Seri?

ABDULLAH: Buat masa ini, penuh dengan keseronokan. Sebenarnya saya menghadapi cabaran ini dan saya rasa ia memberi beberapa sebab kepada saya untuk bekerja kerana pilihan raya adalah masa rakyat untuk menentukan kerajaan yang mereka mahu.

SOALAN: Bercakap mengenai kerja kuat, saya rasa dengan tanggungjawab yang ada, Datuk Seri sebenarnya sudah bekerja kuat.

ABDULLAH: Ya, saya bekerja kuat.

SOALAN: Tambah pula dengan pilihan raya.

ABDULLAH: Saya memberitahu anak saya, ketika saya meniti usia lanjut, saya lebih kuat bekerja sekarang.

SOALAN: Tidak mengambil pilihan, seperti berehat ke pulau?

ABDULLAH: Saya tidak mempunyai pilihan itu. Saya tidak datang kepada keadaan seumpama itu kerana saya seronok dengan kerja saya.

SOALAN: Bagaimana Datuk Seri menerima hakikat dengan imej sebagai "Mr Nice Guy"?

ABDULLAH: Saya tidak tahu apa orang kata... saya tidak pernah mengatakan demikian. Saya tidak mahu menonjolkan diri sebagai "Mr Nice Guy" atau apa

saja. Orang kata macam itu tetapi saya tetap saya. Tetapi saya tidak percaya dengan itu akan menjejaskan kerja saya. Saya selalu berkata kepada pekerja saya bahawa menjadi baik, tegas atau kasar, semuanya bergantung kepada gaya demi mencapai sesuatu tetapi saya lebih menitikberatkan kepada apa yang anda nak buat. Ia mesti adil dan anda akan mencapainya dalam banyak cara.

SOALAN: Adakah Datuk Seri secara sengaja memainkan peranan sebagai "Mr Bad Guy" dengan kata-kata seperti "tidak, saya mahu ia dilakukan macam ini"?

ABDULLAH: Adakah tidak baik untuk bercakap saya mahu ia dilakukan? Dan saya tidak bertolak-ansur.

SOALAN: Mungkin ada yang kata, "saya nak ambil kesempatan kerana Datuk Seri baik hati"?

ABDULLAH: Mengambil kesempatan adalah tidak baik. Tetapi menjadi tegas: "Saya mahu ini, maaf saya tidak boleh terima (jawapan) tidak". Ini bukan tidak baik. saya rasa, masih OK dengan menyatakan "tidak, saya tidak bersetuju dengan anda, itu keputusan saya."

SOALAN: Apakah antara cabaran yang Datuk Seri hadapi sebagai pemimpin negara?

ABDULLAH: Yang paling penting ialah bagaimana mengubah sikap rakyat. Kita tidak boleh memiliki infrastruktur kelas pertama tetapi rakyat pula dengan mentaliti kelas tiga. Malaysia mahu mewujudkan budaya prestasi tinggi dan daya saing di kalangan penduduknya. Kita boleh bina bangunan tetapi yang penting bagi saya ialah kualiti orang dalam bangunan. Adakah dia rajin? Adakah dia komited terhadap kerjanya?

SOALAN: Adakah tempoh tertentu dihad bagi Datuk Seri mengubah sikap dan mentaliti rakyat? Apa pencapaian setakat ini?

ABDULLAH: Tidak ada had tempoh kerana usaha ke arah ini mesti diteruskan. Saya bercakap mengenai usaha untuk mewujudkan budaya kerja berprestasi tinggi. Kita mesti berdaya saing, kuat dan bekerja kuat. Untuk melahirkan Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang, kita perlu mengubah cara pemikiran dan sikap. Ini yang menjadi keutamaan buat saya ketika ini.

SOALAN: Bagaimana dengan usaha untuk mengukuh dan mempererat lagi perpaduan rakyat?

ABDULLAH: Kita sentiasa dan berterusan memberi penekanan kepada aspek ini. Kita tidak pernah mengabaikan usaha ke arah ini. Untuk tujuan ini, pendidikan menjadi sesuatu yang amat penting. Program Khidmat Negara yang kita lancarkan juga boleh menyumbang ke arah ini. Tetapi, ini bukanlah satu-satunya program yang kita jalankan. Kita sentiasa mencari dan mengubah pendekatan mengikut kesesuaian dan keadaan semasa, dengan objektif perpaduan untuk seluruh masyarakat.

SOALAN (seorang pemanggil): Adakah kerajaan bercadang mewajibkan program pendidikan secara separuh masa untuk ahli politik?

ABDULLAH: Saya tidak fikir kita akan mengadakan program pendidikan mengenai ahli politik. Apa yang penting, ahli politik kita mesti sentiasa prihatin dan sedar mengenai tanggungjawab mereka, terutama pilihan raya, kita perlu mempunyai kod etika. Ahli politik perlu sentiasa bersedia untuk rakyat, dapat didekati rakyat, mendengar masalah mereka dan bekerja. Mereka semua ini pelatih dan pemimpin perlu menyediakan mereka garis panduan, apa yang perlu mereka lakukan. Saya sentiasa percaya, dalam apa juga pekerjaan, latihan dapat memberi faedah jangka panjang.

SOALAN: Bagaimana Datuk Seri memberi sokongan kepada isteri?

ABDULLAH: Saya menjaga isteri saya dengan baik. Malah, kami berinteraksi dengan baik dan jika melakukan kesilapan, kami tidak mempunyai masalah untuk mengucapkan maaf.

SOALAN: Datin Seri tidak seperti wanita lain yang bising jika suami

pulang lewat?

ABDULLAH: Saya tidak pernah berada dalam suasana ini.

SOALAN (seorang pemanggil): Saya amat bimbang melihat kadar jenayah yang semakin meningkat di Klang. Kami tidak berasa selamat sekarang sekalipun ketika berada di rumah. Bagaimana Datuk Seri dan kerajaan dapat menangani masalah ini?

ABDULLAH: Saya kesal dan sedih dengan perkembangan ini. Kerana itu, menangani masalah jenayah adalah satu daripada agenda utama kerajaan. Kita perlu memastikan negara ini selamat untuk setiap rakyat. Kita perlu kurangkan kadar jenayah ini dengan apa cara sekalipun. Kita kini menyusun semula pasukan polis dan dengan bantuan Suruhanjaya Khas Bagi Polis, saya berharap dapat menyelamatkan reputasi polis dan mengukuhkan keyakinan rakyat kepada badan ini. Mereka yang disabitkan kesalahan akan dijatuhkan hukuman dengan segera. Rakyat harus tahu kita tidak bertolak ansur dengan jenayah dan penjenayah. Bagaimanapun, kita memerlukan lebih ramai tenaga dan kemudahan yang lebih baik serta berkesan untuk memerangi jenayah. Kami melakukan segala yang boleh dan saya mahu Malaysia menjadi sebuah negara yang selamat untuk semua.

SOALAN (seorang pemanggil): Boleh Datuk Seri jelaskan pendekatan antirasuah, Badan Pencegah Rasuah (BPR)? Adakah ia semata-mata untuk memancing undi pada pilihan raya umum akan datang?

ABDULLAH: Tidak sama sekali. Kita serius menangani rasuah. Bukan untuk pilihan raya. Anda tunggu dan lihat.

SOALAN: Adakah tindakan tegas seperti ini juga akan diambil terhadap pegawai peringkat bawah kerajaan?

ABDULLAH: Sesiapa saja. Tindakan tegas kita membabitkan semua.

SOALAN (seorang pemanggil): Bagaimana Datuk Seri memastikan perkara ini dapat dilaksanakan?

ABDULLAH: BPR bertindak tanpa mengira masa. Mereka perlu bertindak cepat. Kita mahu rasuah sifar.

SOALAN (seorang pemanggil): Saya mendapati sekolah yang kecil, terutama di kawasan terpencil, tidak mempunyai guru yang benar-benar berkelayakan di samping kemudahan yang tidak sempurna. Malah, ada guru di kawasan ini tidak tahu bagaimana untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris seperti di Sekolah Methodist Parit Buntar.

ABDULLAH: Kita akan menghantar pegawai pendidikan untuk melihat perkara ini.

SOALAN: Persepsi kebanyakan masyarakat pemuda kaum Cina tidak berapa berminat dalam bidang politik, apakah pendapat Datuk Seri?

ABDULLAH: Saya harap kalau tak minat dalam politik, janganlah sampai tak nak undi. Itu penting. Kalau tak minat masuk parti politik, saya faham juga, tapi undi mesti. Kalau boleh undi, undi. Sebab kita nak menentukan kerajaan, tanggungjawab ini tidak boleh kita abaikan, tak boleh kita anggap ringan kerana satu undi itu adalah satu undi untuk masa depan. Satu undi itu bermakna adalah satu pandangan kita, harapan kita, kehendak kita. Dengan itu, mestilah undi untuk menubuhkan kerajaan, penubuhan kerajaan bagi masa depan kita yang lebih baik lagi.

SOALAN: Apakah cara untuk mengelakkan tekanan?

ABDULLAH: Pada sayalah, saya kuat sembahyang. Sebagai orang Islam sembahyang lima kali (sehari). Jadi bila saya sembahyang, saya lupa pasal lain, tumpu (khusyuk) dalam sembahyang. Bila naik dan sujud, itu satu pergerakan dan ia membantu mengurangkan tekanan. Kedua, kita jangan bimbang sangat. Kalau kita bimbang, susahlah. Tapi kita mesti usaha untuk mengelakkan daripada situasi yang menyebabkan kita menjadi terlalu tertekan. Sikap kepada kerja adalah sangat penting. Jika anda tidak suka kerja anda, anda akan berasa tertekan setiap masa. Anda rasa selalu tertekan, anda tak suka buat kerja itu, anda tertekan. Maka anda marah,

bila marah, dapat tekanan. Tetapi saya `enjoy' kerja saya... saya gembira, saya senang sebab saya suka kerja saya.

SOALAN: Bagaimana Datuk Seri menjaga badan?

ABDULLAH: Saya tak pandai jaga badan, saya suka makan.

SOALAN: Makanan yang apa Datuk Seri suka?

ABDULLAH: Biasa sajalah, siapa makan apa saya pun makanlah. Kadang-kadang isteri saya kata, jaga-jaga sikit pasal makan. Kalau makan ikut suka, terlalu banyak nanti susah badan kita. Saya pun faham juga. Apabila kita jadi ahli politik, mana-mana pergi, orang jamu makan, kalau kita tak makan, mereka kecil hati. Tapi kadang-kadang `exercise' pun tak sempat, tapi ada `exercise pagi-pagi lepas saya sembahyang, itulah yang penting. Kita pun kena jaga, kita punya `mind', sikap dan perasan kita. Itu pada saya penting, kalau kita tenang dalam membuat sesuatu kerja kita tidak akan menghadapi situasi yang kita menyusahkan kita. Kalau selalu sangat tekanan pun, lama-lama boleh sakit. Lagi satu, kalau tak mahu tekanan, jangan buat jahat terhadap orang.

SOALAN (seorang pemanggil): Saya amat kagum terhadap langkah Datuk Seri yang memberi penekanan kepada orang muda. Rakan-rakan saya memang sokong Datuk Seri. Saya nak tanya, apakah dasar baru terhadap orang muda selepas menang pilihan raya ini? Apakah dasar baru untuk orang muda?

ABDULLAH: Saya nak orang muda menggunakan bakat mereka, kemahiran yang ada pada mereka. Melalui itu, mereka akan dapat nanti bukan saja yang buat baik untuk diri mereka, tetapi juga dapat menyumbang kepada pembangunan negara seperti pembangunan keusahawanan, saya akan beri perhatian. Yang kedua, saya juga nak supaya anak-anak muda yang ada kelayakan dalam bidang pertanian umpamanya, saya nak galakkan supaya mereka juga dapat memberi perhatian kepada bidang ini. Bila kita cakap mengenai bidang pertanian, tak semestinya bidang ini bidang orang miskin tetapi dari segi yang apa kita nak laksanakan cuma sebagai penyuluh pembangunan, digalakkan IKS (industri kecil dan sederhana) berasaskan pertanian. Jadi, ini adalah satu bidang yang saya fikir anak muda perlu digalakkan. Program daripada segi untuk menjalinkan hubungan yang lebih baik antara anak-anak muda kita daripada berbilang kaum, juga kita galakkan. Saya mahu supaya lebih lagi bersatu padu dan dapat hormat-menghormati sesama kita dan bagi mereka yang sedang belajar, kita nak tambahkan lagi, di mana saja peluang untuk menambahkan ilmu pengetahuan, kemahiran mereka. Saya nak galak supaya program yang berupa program belajar sambil bekerja dan juga membuka peluang untuk mereka yang sedang bekerja. Belajar tambahan malam ke, pada masa lain yang tertentu supaya anak-anak muda kita nanti akan menjadi anak-anak muda yang berpengetahuan, mereka akan menjadi pekerja yang berpengetahuan, yang mempunyai maklumat kerana masa depan kita bergantung kepada kemampuan mereka untuk bersaing, untuk bekerja kuat, mewujudkan apa juga produk dan servis, yang akan memberi kemajuan kepada negara kita lagi.

SOALAN: Apakah pesanan Datuk Seri kepada pendengar masyarakat Cina?

ABDULLAH: Keluar mengundilah, menggunakan undi itu untuk menentukan masa depan kita. Sebenarnya kita perlu pilih parti yang mampu untuk memerintah negara ini, membawa kejayaan, kemakmuran dan kestabilan di masa hadapan. Saya kata `Gemilang, Cemerlang dan Terbilang'. Jadi itu pentingnya. (Kalau kata) satu undi tak ada apa-apa, kalau semua kata macam itu, apa nak jadi, tak nak undi? Jadi ini adalah tanggungjawab yang perlu digunakan, apa yang kita lakukan sekarang ini menunjukkan apa yang kita mahu dengan masa depan kita, dan rakyat mesti tunjukkan kita mahu masa depan yang lebih baik, undilah untuk hidup. Selamat maju jaya, selamat berjaya dalam kerja-kerja masing-masing dan saya harap nanti, selamat mengundi.